

JOM BEKPES! bukan program manjakan gelandangan

Kuala Lumpur: "Tidak timbul isu kami memanjakan gelandangan, sebaliknya bantuan hanyalah sarapan pagi kepada anak-anak yang tidak bernasib baik serta mereka yang memerlukan," kata Ketua Pegawai Eksekutif Institut Onn Ja'afar (IOJ), Charles Mohan.

Menurutnya, biarpun wujud persepsi negatif dalam kalangan masyarakat yang mempertikai usaha badan bukan kerajaan (NGO) membantu anak terbiar dan gelandangan, namun IOJ tetap dengan pendirian bersandarkan perspektif sendiri.

"Sebelum kami melaksanakan program JOM BEKPES! ini, saya dan kakitangan Yayasan Chow Kit (YCK) melakukan kaji selidik dengan mendapatkan maklumat serta latar belakang gelandangan.

"Dari situ kita dapati bahawa setiap gelandangan ini

sebenarnya mempunyai kes tersendiri. Mereka bukan sengaja hendak hidup bergelandangan, tetapi terhimpit dengan situasi.

"Malah melalui pengalaman sebagai wartawan selama 16 tahun, saya juga pernah melaporkan isu berkaitan gelandangan dan menyelami kehidupan mereka," katanya.

Charles berkata, kebanyakan gelandangan yang tersepit di Kuala Lumpur datang dari luar bandar untuk mencari peluang pekerjaan.

"Mungkin kerana taraf pendidikan tidak tinggi, ditambah tanggapan bahawa masuk ke bandar saja boleh menjadi kaya, mereka terhimpit dalam kategori gelandangan.

"Sedangkan ketika tiba di Kuala Lumpur, mereka hanya berbekalkan wang RM50 atau RM60, tidak mampu

menyewa dan akhirnya terpaksa mengikut gelandangan lain tidur di kaki lima dan tepi jalan.

"Sebab itu, bila ada orang kata kita sengaja memanjakan gelandangan dengan terus memberi kepada mereka, itu tidak betul," katanya.

Jelas beliau, IOJ mempunyai perspektif berbeza terhadap setiap kategori gelandangan dan mahu membantu melakukan perubahan.

"Memang gelandangan dalam lingkungan umur antara 45 hingga 60 itu sukar untuk kita ubah...tapi kita masih boleh mengubah

anak-anak mereka yang tidak bernasib baik di bandar raya ini.

"Paling penting, ramai dalam kalangan kita tidak tahu bahawa gelandangan dan kanak-kanak tidak bernasib baik di sekitar bandar raya ini terpaksa mengikat perut

kerana tidak mampu mendapatkan sarapan pagi sebelum ke sekolah.

"Sedangkan kajian Universiti Cardiff menyebut bahawa pengambilan sarapan boleh mempengaruhi kecerdasan minda kanak-kanak, meningkatkan tahap peka dan fokus mereka dalam pembelajaran," katanya.

Atas kesedaran itulah, katanya, IOJ tampil dengan inisiatif JOM BEKPES!

Program itu mendapat kerjasama YCK dan 40 sukarelawan universiti.

"Ini adalah JOM BEKPES! kedua dan pengagihan dibuat 40 sukarelawan dari Kolej Tun Syed Nasir, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Program ini akan diteruskan selama setahun pada setiap Rabu minggu pertama dan ketiga bermula jam 7 hingga jam 8.30 pagi di lokasi berbeza," katanya.